



LEMBAGA GETAH MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) di bawah yang masih dibenarkan membuat tender bagi kerja-kerja berikut:

NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT & PENJUALAN DOKUMEN
LGM/SH/ BPP/LAKAI /2/2016	MEMBELI GETAH SEKERAP DI LADANG RRIMINIS LAKAI, JELEBU, NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2016	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah Kod Bidang : 221104 ATAU 222104 DAN Lesen A1 Dan A2 Membeli Getah Yang Dikeluarkan Oleh LGM	Tarikh Taklimat : 04 Februari 2016 Masa : 10:00 pagi Tempat : Lembaga Getah Malaysia, RRIMINIS Lakai, Jalan Mancis, Durian Tipus Simpang Durian, 72400, Jelebu, Negeri Sembilan. Tarikh Jualan : 04-12 Februari 2016 Masa : 10:00 Pagi - 4.30 Petang Tempat : Lembaga Getah Malaysia, RRIMINIS Lakai, Jalan Mancis, Durian Tipus Simpang Durian, 72400, Jelebu, Negeri Sembilan.
Kehadiran Ke Sesi Taklimat Adalah DIWAJIBKAN			

Dokumen tender boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai tarikh (selepas hadir lawatan tapak) di alamat seperti di atas dengan menunjukkan sijil-sijil asal Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan lain-lain yang berkaitan serta menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM53.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Tiga sahaja termasuk 6% GST)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf/Wang Pos) atas nama **LEMBAGA GETAH MALAYSIA**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebutharga yang ditetapkan **sebelum atau pada 15 Februari 2016 jam 12.00 tengahari.**

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
 Unit Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)
 No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
 (Peti No.1 & 2)

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen tender yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.